

Embargo: Hanya boleh diterbitkan atau disebarikan mulai jam 1200, Rabu, 10 Disember 2025



KENYATAAN MEDIA

KEMENTERIAN EKONOMI
JABATAN PERANGKAAAN MALAYSIA

Blok C6 & C7, Kompleks C,
Pusat Pentadbiran Kerajaan Persekutuan, Presint 1,
62514, Wilayah Persekutuan Putrajaya
No. Telefon : 03 - 8090 4681

STATISTIK TENAGA BURUH, MALAYSIA, OKTOBER 2025

Kadar pengangguran kekal 3.0 peratus pada Oktober 2025, merekodkan 518.9 ribu penganggur

PUTRAJAYA, 10 DISEMBER 2025 - Kadar pengangguran kekal 3.0 peratus pada Oktober 2025, merekodkan 518.9 ribu penganggur, menurut Jabatan Perangkaan Malaysia (DOSM). Angka tersebut diperincikan dalam penerbitan **Statistik Tenaga Buruh, Malaysia, Oktober 2025**. Laporan ini memberikan gambaran mengenai penawaran tenaga buruh di Malaysia, berdasarkan dapatan yang dikumpul melalui Survei Tenaga Buruh yang dijalankan oleh DOSM.

Mengulas mengenai prestasi keseluruhan bagi bulan Oktober 2025, Ketua Perangkawan Malaysia, Dato' Sri Dr. Mohd Uzir Mahidin berkata, "Pasaran buruh negara menunjukkan penambahbaikan berterusan pada Oktober 2025, didorong oleh aktiviti ekonomi yang rancak, dengan pertumbuhan guna tenaga yang kukuh dan kadar pengangguran kekal rendah. Sehubungan itu, tenaga buruh meneruskan momentum peningkatannya pada bulan tersebut, naik sebanyak 0.2 peratus bulan ke bulan kepada 17.58 juta orang (September 2025: 17.54 juta orang). Kadar penyertaan tenaga buruh Oktober kekal 70.9 peratus, seperti yang direkodkan pada September 2025."

Di samping itu, bilangan penduduk bekerja terus meningkat pada Oktober 2025, merekodkan pertambahan 0.2 peratus kepada 17.06 juta orang daripada 17.03 juta orang yang dicatatkan bulan lalu. Pada masa yang sama, bilangan penganggur naik sedikit iaitu sebanyak 0.1 peratus kepada 518.9 ribu orang (September 2025: 518.6 ribu orang). Kadar pengangguran pada bulan tersebut tidak berubah iaitu pada 3.0 peratus, seperti bulan lalu.

Menurut Ketua Perangkawan Malaysia, kategori pekerja merangkumi 74.8 peratus daripada jumlah penduduk bekerja pada Oktober 2025. Kumpulan ini meningkat sedikit iaitu sebanyak 0.1 peratus kepada 12.76 juta orang, naik daripada 12.74 juta orang pada September 2025. Begitu juga, bilangan penduduk bekerja sendiri bertambah 0.4 peratus kepada 3.25 juta orang, berbanding 3.24 juta orang pada September 2025.

Selain itu, guna tenaga dalam sektor Perkhidmatan terus meningkat dengan stabil pada Oktober 2025, terutamanya didorong oleh aktiviti Penginapan dan perkhidmatan makanan & minuman; Perdagangan borong dan runcit; serta aktiviti Maklumat dan komunikasi. Begitu juga, sektor Pertanian, Pembuatan dan Pembinaan turut merekodkan pertambahan dalam bilangan penduduk bekerja, manakala guna tenaga dalam sektor Perlombongan & pengkuarian mencatatkan penurunan.

Dato' Sri Dr. Mohd Uzir Mahidin turut menjelaskan bahawa bilangan penduduk bekerja kurang daripada 30 jam seminggu terus menurun, susut sebanyak 1.4 peratus kepada 233.2 ribu orang pada Oktober 2025 (September 2025: 236.5 ribu orang). Sehubungan itu, bilangan penduduk bekerja kurang daripada 30 jam seminggu serta mampu dan sanggup menerima tambahan jam atau diklasifikasikan sebagai guna tenaga tidak penuh berkaitan masa juga berkurang 1.7 peratus kepada 126.4 ribu orang, merekodkan kadar guna tenaga tidak penuh berkaitan masa 0.7 peratus (September 2025: 128.6 ribu orang; 0.8%).

Mengulas lebih lanjut mengenai situasi pengangguran bagi Oktober 2025, Ketua Perangkawan Malaysia menyatakan bahawa mereka yang bersedia untuk bekerja dan sedang aktif mencari pekerjaan, atau dirujuk sebagai penganggur aktif, merangkumi 79.7 peratus daripada jumlah penganggur. Kategori ini mencatatkan sedikit peningkatan iaitu sebanyak 0.03 peratus, dengan bilangannya bertambah kepada 413.8 ribu orang berbanding 413.6 ribu orang pada bulan sebelumnya. Mengikut tempoh pengangguran bagi penganggur aktif pada bulan tersebut, 64.5 peratus adalah mereka yang menganggur kurang daripada tiga bulan, manakala 5.0 peratus merupakan mereka yang berada dalam pengangguran jangka panjang melebihi setahun. Sementara itu, mereka yang percaya bahawa tiada pekerjaan tersedia, atau dirujuk sebagai penganggur tidak aktif, naik sebanyak 0.2 peratus kepada 105.1 ribu orang (September 2025: 104.9 ribu orang).

Kadar pengangguran bagi belia berumur 15 hingga 24 tahun kekal tidak berubah iaitu pada 10.1 peratus, merekodkan seramai 297.6 ribu penganggur belia pada Oktober 2025 (September 2025: 296.9 ribu orang). Sementara itu, kadar pengangguran bagi belia berumur 15 hingga 30 tahun menurun sebanyak 0.1 mata peratus kepada 6.1 peratus, dengan 398.5 ribu penganggur belia (September 2025: 398.1 ribu orang; 6.2%).


Bagi bilangan penduduk di luar tenaga buruh, bilangannya berada dalam trend peningkatan, naik sebanyak 0.1 peratus kepada 7.22 juta orang pada bulan tersebut, berbanding 7.21 juta orang pada September 2025. Sebab utama bagi mereka yang berada di luar tenaga buruh adalah berikutan kerja rumah/ tanggungjawab keluarga, dengan peratus sumbangan sebanyak 43.6 peratus. Kategori bersekolah/ latihan berada di kedudukan kedua dengan 40.7 peratus.

Mengakhiri kenyataan tersebut, prospek pasaran buruh Malaysia pada bulan-bulan yang akan datang dilihat akan terus positif dan berdaya tahan, disokong oleh pertumbuhan ekonomi yang sederhana, pelaburan strategik, serta pembangunan modal insan. Walaupun cabaran global seperti ketidaktentuan perdagangan dan permintaan luaran yang perlahan mungkin memberi tekanan, namun pasaran buruh Malaysia dijangka kekal kompetitif, inklusif, dan stabil.


Malaysia buat julung kalinya telah menduduki tangga pertama (1) di peringkat global dalam laporan dwi-tahunan *Open Data Inventory* (ODIN) 2024/25 yang dikeluarkan oleh *Open Data Watch* (ODW), mengatasi 197 negara lain. Pencapaian ini merupakan lonjakan ketara daripada kedudukan ke-67 dalam penilaian ODIN 2022/23.

OpenDOSM NextGen adalah medium yang menyediakan katalog data dan visualisasi bagi memudahkan pengguna menganalisis pelbagai data dan boleh diakses melalui portal <https://open.dosm.gov.my>.


Carta 1: Penduduk bekerja, Malaysia, Januari 2024 - Oktober 2025



Carta 2: Pengangguran, Malaysia, Januari 2024 - Oktober 2025



Carta 3: Luar tenaga buruh, Malaysia, Januari 2024 - Oktober 2025



Nota: Indikator Survei Tenaga Buruh bagi Januari 2024 dan seterusnya dianggar berdasarkan Banci Penduduk dan Perumahan Malaysia 2020.

Dikeluarkan oleh:

PEJABAT KETUA PERANGKAWAN MALAYSIA
JABATAN PERANGKAAN MALAYSIA
10 DISEMBER 2025



MEDIA STATEMENT

MINISTRY OF ECONOMY
DEPARTMENT OF STATISTICS MALAYSIA

Block C6 & C7, Complex C,
Federal Government Administrative Centre, Precinct 1,
62514 Federal Territory of Putrajaya
Telephone : 03 - 8090 4681

LABOUR FORCE STATISTICS, MALAYSIA, OCTOBER 2025

The unemployment rate remained at 3.0 per cent in October 2025, recording 518.9 thousand unemployed

PUTRAJAYA, DECEMBER 10, 2025 - The unemployment rate remained at 3.0 per cent in October 2025, recording 518.9 thousand unemployed, according to the Department of Statistics Malaysia (DOSM). The figures were detailed in the **Statistics of the Labour Force, Malaysia, October 2025** release. The report provides insights into Malaysia's labour supply, drawing from findings collected through the Labour Force Survey conducted by DOSM.

Commenting on the overall performance for October 2025, Chief Statistician Malaysia, Dato' Sri Dr. Mohd Uzir Mahidin said, "The country's labour market showed further improvement in October 2025, driven by robust economic activity, with solid growth in employment and unemployment remaining low. Therefore, the labour force continued its upward momentum during the month, rising by 0.2 per cent month-on-month to 17.58 million persons (September 2025: 17.54 million persons). October's labour force participation rate stood at 70.9 per cent, as recorded in September 2025."

In addition, the total number of employed persons increased further in October 2025, recorded a rise of 0.2 per cent to 17.06 million persons from 17.03 million persons registered last month. On the same note, the number of unemployed rose marginally by 0.1 per cent to 518.9 thousand persons (September 2025: 518.6 thousand persons). The unemployment rate during the month remained unchanged at 3.0 per cent, as in the prior month.

According to the Chief Statistician Malaysia, the employees' category constituted 74.8 per cent of the total employed persons in October 2025. This group increased slightly by 0.1 per cent to 12.76 million persons, up from 12.74 million persons in September 2025. Likewise, the number of own-account workers went up by

0.4 per cent to 3.25 million persons, compared to 3.24 million persons in September 2025.

Additionally, the employment in the Services sector continued to rise steadily in October 2025, mainly attributed by Accommodation and food & beverage services; Wholesale and retail trade; as well as Information and communication activities. Similarly, the Agriculture, Manufacturing, and Construction sectors also recorded increases in the number of employed persons, while the employment in the Mining & quarrying sector posted decreases.

Dato' Sri Dr. Mohd Uzir Mahidin also explained that the number of persons working less than 30 hours per week continued to decrease, edged down by 1.4 per cent to 233.2 thousand persons in October 2025 (September 2025: 236.5 thousand persons). Correspondingly, the number of persons working less than 30 hours per week but willing and available to work additional hours or classified as time-related underemployment also declined by 1.7 per cent to 126.4 thousand persons, recording the time-related underemployment rate of 0.7 per cent (September 2025: 128.6 thousand persons; 0.8%).

Providing more insight into the unemployment situation for October 2025, the Chief Statistician Malaysia stated that those who were available for work and were actively seeking jobs, or referred to as actively unemployed, represented 79.7 per cent of the total unemployed persons. This category registered a slight increase of 0.03 per cent, with the number rose to 413.8 thousand persons compared to 413.6 thousand persons in the preceding month. By duration of the unemployment for the actively unemployed during the month, 64.5 per cent were those who had been unemployed for less than three months, while 5.0 per cent were those in long-term unemployment for more than a year. Meanwhile, those who believed that there were no jobs available, or referred to as inactively unemployed, rose by 0.2 per cent to 105.1 thousand persons (September 2025: 104.9 thousand persons).

The unemployment rate for youth aged 15 to 24 years remained unchanged at 10.1 per cent, recording 297.6 thousand unemployed youths in October 2025 (September 2025: 296.9 thousand persons). Meanwhile, the youth unemployment rate for those aged 15 to 30 years lessened by 0.1 percentage points to 6.1 per cent, with 398.5 thousand unemployed youths (September 2025: 398.1 thousand persons; 6.2%).

As for the number of persons outside the labour force, the number was on an increasing trend, rising by 0.1 per cent to 7.22 million persons during the month, compared with 7.21 million persons in September 2025. The main reason for those being outside the labour force was due to housework/ family responsibilities, with a share of 43.6 per cent. The schooling/ training category ranked second at 40.7 per cent.

Concluding the statement, the outlook for Malaysia's labour market in the coming months is expected to remain positive and resilient, supported by moderate economic growth, strategic investments, and human capital development. Although global challenges such as trade volatility and slowing external demand may pose pressures, Malaysia's labour market is anticipated to stay competitive, inclusive, and stable.

Malaysia, for the first time, ranked as number one (1) globally in the biennial Open Data Inventory (ODIN) 2024/25 report released by Open Data Watch (ODW), surpassing 197 other countries. This achievement marks a significant leap from its 67th position in the ODIN 2022/23 assessment.

OpenDOSM NextGen is a medium that provides data catalogue and visualisations to facilitate users' analysis and can be accessed through <https://open.dosm.gov.my>.

Chart 1: Employed persons, Malaysia, January 2024 - October 2025




Chart 2: Unemployment, Malaysia, January 2024 - October 2025





Chart 3: Outside labour force, Malaysia, January 2024 - October 2025



Note: The Labour Force Survey indicators from January 2024 onwards are estimated based on the Population and Housing Census of Malaysia 2020

Released by:

THE OFFICE OF CHIEF STATISTICIAN MALAYSIA

DEPARTMENT OF STATISTICS MALAYSIA

10th DECEMBER 2025